



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 16 JULAI 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM PERUNTUKKAN LEBIH RM21 JUTA BANTU NELAYAN DI SABAH, SUARA KEADILAN -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	RM21.1 JUTA ELAUN SARA HIDUP DISALUR KEPADA NELAYAN SABAH TAHUN INI -MOHAMAD SABU, ASTRO AWANI -ONLINE	
3.	RM21.1 JUTA ELAUN SARA HIDUP DISALUR KEPADA NELAYAN SABAH TAHUN INI, FREE MALAYSIA TODAY -ONLINE	
4.	AGROBANK SUMBANG PELAN PELINDUNGAN TAKAFUL RM1 JUTA SEMPENA ROAD TO MAHA 2024, KOSMO -ONLINE	AGROBANK
5.	DOSM SERU KERJASAMA PENGUSAHA SERTA BANCER PERTANIAN 2024, ASTRO AWANI -ONLINE	LAIN-LAIN
6.	RM1 BILLION DIPERLUKAN BANGUN SELATAN SARAWAK UNTUK TANAMAN PADI, TV SARAWAK -ONLINE	
7.	SELANGOR FOKUS INDUSTRI TENUSU, PERLUAS LADANG JAGUNG BIJIRIN, SH -11	
8.	OOD SECURITY INITIATIVE FOR ORANG ASLI COMMUNITY, NATIONAL, THE SUN -5	
9.	SINK IN PROGRESS, NATION, THE STAR -9	

UUK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2024	SUARA KEADILAN	ONLINE	

KPKM peruntukkan lebih RM21 juta bantu nelayan di Sabah



Sejumlah RM21.1 juta elaun sara hidup telah disalurkan kepada 7,502 nelayan di Sabah tahun ini bagi menjaga kebajikan mereka.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, selain itu sejumlah RM450,000 pula disalurkan kepada 30 nelayan di negeri itu bagi meningkatkan kapasiti nelayan B40 untuk membantu golongan itu

meningkatkan taraf hidup serta kemahiran mereka.

Pada ucapan di program ramah mesra Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama nelayan Sandakan pada Isnin, beliau berkata antara bantuan lain yang turut disalurkan khusus kepada kelompok nelayan Sabah ialah Projek Khas Perumahan Nelayan, Skim Perlindungan Keselamatan Nelayan, serta Tabung Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan.

"Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sentiasa memastikan kebajikan nelayan di negara ini terbela," katanya dipetik.

Mohamad sementara itu menjelaskan, pemberian bantuan elaun sara hidup nelayan tetap diteruskan bagi memberi manfaat kepada 38,000 nelayan di seluruh negara dengan peruntukan berjumlah RM136.8 juta.

"Kerajaan masih meneruskan skim subsidi diesel serta petrol nelayan dengan kuota bersubsidi diluluskan berjumlah 70 juta liter sebulan, dan kadar harga subsidi ditetapkan adalah RM1.65 seliter bagi kedua-dua jenis minyak itu, dan di Sabah 6,782 nelayan menikmati subsidi berkenaan.

"Kesemua insentif yang disalurkan itu membuktikan komitmen kerajaan membantu meringankan beban nelayan selain berusaha meningkatkan lagi taraf ekonomi nelayan di negara ini," tambahnya.

Dalam pada itu beliau turut memberitahu, peruntukkan RM1 juta turut diluluskan khas bagi projek perumahan nelayan di Sabah.

Projek yang akan membabitkan 60 keluarga nelayan itu bagi memastikan kesejahteraan hidup golongan itu dapat ditingkatkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

RM21.1 juta elaun sara hidup disalur kepada nelayan Sabah tahun ini - Mohamad Sabu



Mohamad berkata RM450,000 pula disalurkan kepada 30 nelayan di negeri ini bagi meningkatkan kapasiti nelayan B40 untuk membantu golongan itu meningkatkan taraf hidup serta kemahiran mereka. - Gambar fail/Bernama

SANDAKAN: Sebanyak RM21.1 juta elaun sara hidup disalurkan kepada 7,502 nelayan di Sabah tahun ini dalam menjaga kebajikan mereka, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri

Mohamad Sabu.

Beliau berkata RM450,000 pula disalurkan kepada 30 nelayan di negeri ini bagi meningkatkan kapasiti nelayan B40 untuk membantu golongan itu meningkatkan taraf hidup serta kemahiran mereka.

Antara bantuan lain yang turut disalurkan khusus kepada kelompok nelayan Sabah ialah Projek Khas Perumahan Nelayan, Skim Perlindungan Keselamatan Nelayan, serta Tabung Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan.

"Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sentiasa memastikan kebajikan nelayan di negara ini terbela," kata Mohamad ketika berucap menyempurnakan program ramah mesra Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama nelayan Sandakan di sini hari ini.

Beliau berkata kerajaan juga meluluskan peruntukan RM1 juta projek khas perumahan nelayan membabitkan 60 rumah nelayan di Sabah yang bertujuan memberi kesejahteraan hidup untuk golongan itu.

Mohamad berkata tahun ini kerajaan masih meneruskan skim subsidi diesel serta petrol nelayan dengan kuota bersubsidi diluluskan berjumlah 70 juta liter sebulan, dan kadar harga subsidi ditetapkan adalah RM1.65 seliter bagi kedua-dua jenis minyak itu, dan di Sabah 6,782 nelayan menikmati subsidi berkenaan.

"Kesemua insentif yang disalurkan itu membuktikan komitmen kerajaan membantu meringankan beban nelayan selain berusaha meningkatkan lagi taraf ekonomi nelayan di negara ini," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2024	FREE MALAYSIA TODAY	ONLINE	

RM21.1 juta elaun sara hidup disalur kepada nelayan Sabah tahun ini



Mohamad Sabu berkata, kesemua insentif yang disalurkan membuktikan komitmen kerajaan membantu meringankan beban nelayan selain menaik taraf ekonomi mereka. (Gambar Bernama)

SANDAKAN:

Sebanyak RM21.1 juta elaun sara hidup disalurkan kepada 7,502 nelayan di Sabah tahun ini dalam menjaga kebajikan mereka, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu.

Beliau berkata, RM450,000 pula disalurkan kepada 30 nelayan bagi menambah kapasiti nelayan B40 agar golongan itu dapat meningkatkan taraf hidup serta kemahiran mereka.

Antara bantuan lain yang disalurkan khusus kepada kelompok nelayan Sabah termasuk Projek Khas Perumahan Nelayan, Skim Perlindungan Keselamatan Nelayan, serta Tabung Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sentiasa memastikan kebajikan nelayan di negara ini terbela,

kata Mohamad pada program ramah mesra bersama nelayan Sandakan.

Beliau berkata, kerajaan juga meluluskan peruntukan RM1 juta projek khas perumahan nelayan membabitkan 60 rumah demi kesejahteraan hidup golongan itu.

Katanya lagi, tahun ini kerajaan masih meneruskan skim subsidi diesel serta petrol nelayan dengan kuota bersubsidi diluluskan berjumlah 70 juta liter sebulan.

Kadar harga subsidi ditetapkan pada RM1.65 seliter bagi kedua-dua jenis minyak itu, dan di Sabah, 6,782 nelayan menikmati subsidi berkenaan, tambahnya.

Kesemua insentif yang disalurkan itu membuktikan komitmen kerajaan membantu meringankan beban nelayan selain berusaha meningkatkan lagi taraf ekonomi nelayan di negara ini,

katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2024	KOSMO	ONLINE	

Agrobank sumbang pelan perlindungan takaful RM1 juta sempena Road To MAHA 2024



MOHAMAD SABU (tengah) bersama perwakilan KPKM pada program Road To MAHA 2024 @ Sabah yang diadakan di Dataran Harbour Mall, Sandakan.

PETALING JAYA – Agrobank memperluas akses kepada perlindungan kewangan dan takaful kepada komuniti di Sandakan, Sabah menerusi sumbangan bernilai RM1 juta sempena Road to MAHA (Pameran Pertanian, Hortikultur dan

Agropelancongan Malaysia) 2024 @ Sabah oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dari 12 hingga 15 Julai 2024.

Acara selama tiga hari di Dataran Harbour Mall, Sandakan itu mendapat sambutan menggalakkan melibatkan program senamrobik dan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan tembok/benteng tepi pantai berdekatan pasar Sandakan, Harbour Mall dan kawasan sekitarnya.

Agrobank, sebagai tanda keprihatinan terhadap kesejahteraan masyarakat, telah menyumbang perlindungan takaful bernilai RM1 juta melalui Pelan Takaful Kasih Plus kepada 100 peserta terawal (RM10,000 nilai perlindungan bagi setiap peserta) yang menyertai program senamrobik.

Sumbangan itu adalah bukti komitmen Agrobank dalam menyokong gaya hidup sihat dan melindungi masa depan peserta.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, pihaknya amat teruja untuk bersama-sama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam usaha mempromosikan MAHA 2024.

“Road to MAHA 2024 @ Sabah adalah platform terbaik untuk kami mendekati masyarakat, berkongsi ilmu dan memperkenalkan produk serta perkhidmatan Agrobank yang relevan kepada keperluan mereka,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Program tersebut dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu sempena siri jelajah konvoi Road to MAHA 2024, bertujuan mempromosikan penganjuran MAHA 2024 pada September tahun ini. – KOSMO! ONLINE

MOHAMAD SABU (tengah) bersama perwakilan KPKM pada program Road To MAHA 2024 @ Sabah yang diadakan di Dataran Harbour Mall, Sandakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

DOSM seru kerjasama pengusaha sertai Banci Pertanian 2024



Pada Ahad, Mohd Uzir (kiri) hadir pada sesi Banci Pertanian di Kebun Komuniti Laman Baiduri, Kuala Lumpur dan di Kampung Ulu Sepri, Kuala Klawang, Jelevu. - Foto DOSM

KUALA LUMPUR: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) berharap pelaksanaan banci pertanian 2024 terus mendapat komitmen penyertaan daripada pengusaha pertanian sepanjang tempoh ia dijalankan dari 7 Julai hingga 10 Oktober 2024.

Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024 Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, usaha ini penting untuk menghasilkan data pertanian yang komprehensif dan menjadi penanda aras baharu bagi mewujudkan pangkalan data pertanian negara.

"Kita tahu ada peningkatan permintaan dalam pertanian, hasil pertanian itu memerlukan peningkatan pengeluaran.

"Di sini isunya bagaimana kita mahu menghasilkan supaya kedudukan bekalan atau sekuriti makanan kita berada dalam keadaan baik, kita tidak mengalami kekurangan, dan sebagainya.

"Kita juga ingin lihat kebergantungan makanan yang diimport dari luar negara. Dan bagaimana data banci petani ini nanti akan memperkasakan dasar atau program yang dilaksanakan di pelbagai agensi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui Astro AWANI pada sesi Banci Pertanian 2024 di Kebun Komuniti Laman Baiduri di sini semalam.

Jelas beliau, liputan banci merangkumi empat subsektor iaitu Tanaman, Ternakan, Perikanan & Akuakultur dan Perhutanan & Pembalakan.

Banci pada kali ini merangkumi pendekatan seluruh negara dan melibatkan jaringan kolaborasi strategik antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Perlindungan dan Komoditi, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam serta Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

"Dengan 45 minit masa diberi kepada pembanci untuk mengisi borang, akhirnya dia akan kembali kepada pengusaha juga, apabila kita akan menentukan apakah penambahbaikan yang patut dilakukan dan bagaimana data ini nanti akan membawa sektor pertanian ke tahap lebih tinggi," tambah Mohd Uzir.

Pada hari sama, pihak DOSM turut menjalankan Banci Pertanian 2024 di Kampung Ulu Sepri, Kuala Klawang, Jelevu di kebun milik Ramli Muharam.

Antara tanaman diusahakan di tanah berkeluasan enam ekar miliknya adalah pokok durian, rambutan, manggis, dokong dan petai.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2024	TV SARAWAK	ONLINE	

RM1 bilion diperlukan bangun Selatan Sarawak untuk tanaman padi



MIRI, 15 Julai: Kerajaan Sarawak memerlukan sekurang-kurangnya RM1 bilion bagi membangunkan 3,000 hektar kawasan tanah baharu di bahagian Selatan Sarawak dalam proses menjadikan Sarawak sebagai jelapang padi.

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak,

Dato Sri Dr. Stephen Rundi Utom berkata, pihak kerajaan dalam proses perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk mendapatkan peruntukan separuh dari nilai tersebut.

“Jadi kita nak wujudkan Sarawak sebagai jelapang padi. Dengan itu, untuk menyediakan infrastruktur adalah sangat mahal. Setakat ini, Premier telah memperuntukkan RM500 juta. Kita sediakan dana sendiri RM500 juta, dan kita juga berharap mendapat RM500 juta lagi dari Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

“Kita masih berbincang mengenainya. Kita cuba melihat apa yang boleh kita lakukan. Tetapi untuk membangunkan tanah baharu seluas 3,000 hektar itu di bahagian selatan Sarawak, kita memerlukan tidak kurang daripada RM1 bilion,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa mewakili Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg di Seminar Kebangsaan (NATSEM) Ke-16 2024 Peluang Dan Strategi Meningkatkan Keuntungan Perniagaan Kelapa Sawit di sebuah hotel pada Isnin.

Dalam pada itu, kementeriannya juga merancang untuk menyediakan zon khusus atau mewartakan kawasan untuk penanaman padi bagi meningkatkan lebih ramai peladang melibatkan diri dalam tanaman tersebut.

Pihaknya telah membawa cadangan tersebut kepada Kerajaan Sarawak kerana setakat ini, tanaman padi menunjukkan trend menurun berbanding tanaman lain seperti kelapa sawit kerana tidak membawa pulangan yang lumayan.

“Tiada siapa terutama generasi muda yang mahu berjinak-jinak dengan tanaman padi kerana hujan dan matahari. Tetapi juga pulangnya tidak lumayan seperti tanaman lain. Jadi saya telah mencadangkan kepada Kerajaan Sarawak supaya kita dapat sediakan kawasan zon khusus untuk padi. Atau mungkin kita perlu mewartakan kawasan tersebut

untuk padi. Ini kerana kebanyakan kawasan padi sekarang dalam trend menurun kerana telah ditukar kepada kelapa sawit dan tanaman lain," tambahnya.

Seminar ini dijalankan untuk memberi pengetahuan kepada para penanam selain menggalakkan minat umum kepada profesion tersebut dan seramai 850 peserta yang menyertai seminar ini termasuk dari Semenanjung Malaysia. -TVS

Selangor fokus industri tenusu, perluas ladang jagung bijirin

PKPS bangunkan ladang tenusu, lengkap teknologi terkini

Selangor bakal menjadi pengeluar susu segar antara terbesar di Malaysia apabila projek pembangunan ladang lembu tenusu Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) di ladang Sungai Tenggi, Hulu Selangor siap pada Januari 2025.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata, projek ladang lembu tenusu tersebut dikendalikan anak syarikat PKPS iaitu Selagro Solutions Sdn Bhd (Selagro).

Ujarnya, Selagro turut menguruskan kemasukan lembu tenusu baka *Jersey-Holstein Freisian* (F2) dan *Ayreshire* dari Australia ke Malaysia.

"Selagro menjadi ejen pengantara dan pembelian kerana mempunyai pengalaman mengimport masuk lembu tenusu dari Australia dan berurusan dengan syarikat pengeksport di negara berkenaan.

"Selagro bertanggungjawab menyediakan dokumen-dokumen yang melibatkan pengimportan masuk lembu tenusu tersebut," ujarnya ketika ditemui *Sinar Harian* di Wisma PKPS di Seksyen 14 di sini.

Ujarnya, sebanyak 104 lembu betina dan dua lembu jantan telah diimport masuk dari Australia dan tiba di Malaysia pada 25 Mei lalu.

Dua baka lembu tenusu dipilih iaitu *Jersey-Holstein Freisian* (F2) kerana tahan dengan keadaan cuaca di Malaysia manakala lembu baka *Ayreshire* pula mampu untuk menghasilkan 24 liter susu segar sehari.

"Lembu-lembu tersebut dibawa untuk dikuarantin di ladang PKPS di Merbok, Kedah bagi penempatan sementara menunggu pembinaan kandang baharu di Sungai Tenggi, Selangor siap sepenuhnya," ujarnya.

Teknologi terkini

Mengulas lanjut Mohamad Khairil berkata, keluasan pembinaan ladang lembu di Sungai Tenggi akan



Projek tanaman jagung bijirin PKPS di Kuala Langat yang berjaya mengurangkan penggantungan import makanan ternakan.

melibatkan sebahagian tanah Ladang Sungai Tenggi dengan keluasan kira-kira 16 hektar.

Ujarnya, kemudahan menggunakan teknologi terkini dalam penjagaan ternakan dan perahan susu itu mampu untuk memuatkan sehingga 1200 ekor lembu tenusu dalam satu-satu masa.

"Kita bekerjasama dengan rakan strategik yang membantu memberi khidmat nasihat malah kita juga cuba teroka untuk mengambil lembu tenusu dari negara lain selain Australia," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau yakin PKPS berada di landasan kukuh untuk mengurangkan kebergantungan kepada susu import selain menggalakkan pertumbuhan industri pertanian tempatan serta menyumbang kepada jaminan makanan di Malaysia.

"Dari segi infra, proses yang kita telah laksanakan ialah di peringkat untuk menghantar kebenaran merancang dan dijangka siap paling lewat awal Januari 2025," ujarnya.

Dalam pada itu, PKPS juga sedang memfokuskan untuk memperluaskan ladang jagung



MOHAMAD KHAIRIL

bijirin berskala besar sebagai salah satu langkah untuk mengurangkan kebergantungan kepada makanan ternakan import.

Beberapa lokasi strategik di Selangor seperti di Rawang telah dikenal pasti sebagai tapak baru untuk pembukaan ladang jagung bijirin bagi menghasilkan makanan ternakan berkualiti tinggi.

Pengukuhan sektor pertanian

Sementara itu, Mohamad Khairil menzahirkan penghargaan khas kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Lokman Hakim Ali; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari serta Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) yang bersama-sama memberikan komitmen penuh terhadap usaha PKPS.

"PKPS amat menghargai sokongan dan jalinan usaha sama antara semua pihak khususnya KPKM dan KKDW yang terus memberi kepercayaan kepada PKPS selaku salah satu agensi pelaksana Dasar Sekuriti Makanan Negara," katanya.

Pada 26 Februari lalu, kerajaan Selangor menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama KPKM bagi melaksanakan pertanian berimpak tinggi dan meningkatkan kadar sara diri komoditi makanan di Selangor dengan peruntukan berjumlah RM24 juta.

Mohamad Khairil berkata, jalinan strategik menerusi PKPS itu bagi memperkukuh agenda sekuriti makanan di bawah kerangka Pelan Transformasi Agro Selangor (PeTA).

"Peruntukan yang akan disalurkan KPKM berjumlah RM24 juta melibatkan beberapa projek pertanian yang telah pun bermula sejak awal tahun ini.

"Antaranya ialah projek tanaman jagung bijirin di Kuala Langat Selatan berkeluasan 300 ekar (121 hektar), projek pembangunan ladang lembu tenusu di ladang PKPS Sungai Tenggi, projek tanaman kontan yang bernilai tinggi di Selangor Fruit Valley dan projek gedung makanan ihsan Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian selepas sesi pertukaran dokumen MoU pada majlis penutup Program MADANI Rakyat Zon Tengah di Kompleks Sukan Kuala Selangor, baru-baru ini.

Mohamad Khairil berkata, KPKM akan berperanan sebagai pembiaya program serta menyediakan bantuan kepakaran, manakala PKPS akan menyediakan tanah serta peserta bagi kesemua program ini.

"Kedua-dua organisasi juga akan memperkemas peranan dalam rantaian bekalan bagi memastikan produk dapat sampai kepada rakyat pada harga berpatutan," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang merasmikan majlis penutup program itu menyaksikan pemeteraian MoU berkenaan bersama-sama Amirudin dan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

MoU itu ditandatangani Mohamad Khairil dan Lokman Hakim.

Karnival Rakyat

Dalam pada itu, Mohamad Khairil turut mengajak orang ramai sama-sama memeriahkan Karnival Rakyat Karangkraf yang akan diadakan di pekarangan Kompleks Kumpulan Media Karangkraf, Seksyen 15 pada 28 Julai ini yang mana PKPS bakal menjadi rakan strategik penganjurannya menerusi slot Riih Rewang.

Pada hari yang sama, PKPS juga menampilkan produk-produk Ehsan PKPS selain digunakan sebagai bahan utama pertandingan memasak berkenaan. Jumpa anda di sana pada 28 Julai ini!



PKPS optimis projek ladang tenusu Sungai Tenggi akan mencipta kesan rantaian yang akan menggalakkan lagi pertumbuhan industri pertanian dan jaminan makanan negara. - Gambar: Ihsan

Food security initiative for Orang Asli community

➤ Volunteer group holds event to empower women through awareness on sustainable agricultural practices

BY FARAHATUN NISA OMAR
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Soroptimist International Region of Malaysia (Sirom) recently conducted a community initiative called "The Sustainable Food Security Project" in Bentong, Pahang as a comprehensive approach to address the issue in Malaysia.

Its president Soon Lay Ean said the programme focused on feeding the hungry and revolutionising the entire food system, encompassing production, distribution, consumption and waste management.

"The event also gathered Malaysian soroptimists from all the other states to collectively address one of the world's most pressing challenges, which is food security."

Soon said Sirom is a dynamic global volunteer movement striving to transform the lives of women and girls with around 62,000 members in 123 countries, who advocate education, empowerment and opportunities for women and girls.

"During the event, participants engaged in discussions and activities aimed at exploring solutions to enhance food security, such as promoting sustainable agricultural practices tailored for the indigenous community."

"Additionally, the project has already trained 10 Orang Asli families in vegetable cultivation and aquaponic farming, providing them with practical skills to improve food self-sufficiency and sustainability within their communities," she said, adding that Sirom's holistic strategy aims to empower participants with a variety of agricultural skills, boosting their ability to sustain livelihoods and produce food sustainably.

She said by equipping participants with a diverse skill set, the initiative aims to improve their immediate earning potential while fostering long-term resilience within their communities.

"Those selected for training were individuals facing challenges in securing permanent employment, and some of the girls were specifically trained in (produce) and chicken farming."

"The initiative is designed not only to bolster food security by increasing production but also to ensure the food produced is nutritious, environmentally sustainable and promotes social justice by empowering marginalised communities."

Soon said the approach addresses sustainability by promoting practices that minimise environmental impact, enhance

efficiency in food production and distribution, and promote equity by ensuring fair access to resources and opportunities throughout the food supply chain.

"These families are now earning income by selling their cultivated crops and farming products. The Tilapia fish harvested from the aquaponic systems are not only consumed locally but also sold to restaurants, thereby enhancing the socioeconomic status of these indigenous women."

Soon said a consistent supply of food must be ensured through domestic production, both for local consumption and distribution to the population, adding that people must have the economic means to access this food, which involves having adequate income or resources to purchase or otherwise obtain nutritious food.

She also said it is important to secure a reliable food supply through domestic production to meet local consumption needs and distribution across the population.

"Focusing on production and economic access aims to establish a sustainable and fair food system that enhances the health and nutrition of everyone."

"This would ensure everyone has access to nutritious, safe and sufficient food while preserving our planet's biodiversity as it perfectly aligns with the United Nations Sustainable Development Goals, particularly Zero Hunger, Good Health and Well-being and Responsible Consumption and Production."



Sirom members with a rack for growing produce at the project site. - PIC COURTESY OF SIROM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/7/2024	THE STAR	NATION	9



Sink in progress

The Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA), in collaboration with local fishermen, sinking three Vietnamese fishing boats worth RM1.2mil that had been forfeited by the courts since last year to create artificial reefs in the Kuala Besar waters. The three boats were forfeited due to offenses related to encroaching on Malaysian waters and fishing without a permit from the Director General of Fisheries Malaysia between 2020 and 2021. The artificial reefs are expected to create new habitats for marine life and enhance biodiversity in the area, while also providing a source of food for fish. — Bernama